

BAB V

METODOLOGI KAJIAN

5.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan tatacara pembinaan instrumen serta kajian rintis. Selain daripada itu, variabel yang terkandung dalam kajian ini, prosedur pemerolehan data dan kaedah analisis data juga dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan tentang rekabentuk kajian meliputi variabel kajian samada variabel bersandar atau variabel bebas. Rekabentuk kajian dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu rekabentuk kajian deskriptif dan rekabentuk kuasi-eksperimen yang dijalankan ke atas dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Seterusnya pengkaji menerangkan bagaimana instrumen kajian dibina.

Kajian rintis dijadikan landasan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina oleh pengkaji sebelum kajian sebenar dijalankan. Ia juga dapat mengenalpasti masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh pengkaji dalam kajian yang sebenar kelak. Seterusnya pengkaji menerangkan bagaimana tatacara pengumpulan data dan analisis data dilakukan dan akhir sekali pengkaji membuat rumusan bagi bab lima secara ringkas.

5.1 REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dalam dua fasa dengan menggabungkan dua rekabentuk kajian iaitu rekabentuk kajian deskriptif dan rekabentuk kajian kuasi-eksperimen.

5.1.1 Rekabentuk Kajian Deskriptif

Rekabentuk kajian deskriptif dijalankan secara keratan rentas (*cross-section*) dengan menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif. Menurut Chua Yan Piaw (2006), kajian deskriptif amat sesuai dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan kerana konsep-konsep dapat dinyatakan dan dihuraikan dengan menggunakan soalselidik atau temubual. Menurut Creswell (2008) kajian deskriptif yang dijalankan secara keratan rentas (*cross-sectional study*) sesuai untuk menguji sikap, kepercayaan, pendapat dan tingkahlaku individu. Selain itu kajian yang dilakukan secara keratan rentas ini juga boleh digunakan untuk membandingkan sikap, kepercayaan, pendapat dan tingkahlaku dua kumpulan pelajar.

Oleh itu kaedah kajian tinjauan yang menggunakan rekabentuk keratan rentas ini sesuai digunakan kerana penggunaannya menyeluruh dan boleh digunakan untuk menyatakan pelbagai jenis soalan, seperti isu yang berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab dan lain-lain.

Manakala Patton (1990:14) mengatakan analisis data secara kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindakbalas responden terhadap soalselidik dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Ini adalah kerana data kuantitatif adalah sistematik, piawai, mudah dianalisis dan dikemukakan dalam masa yang singkat.

Dalam kajian deskriptif, pengkaji telah menganalisis data secara kuantitatif. Instrumen soalselidik telah digunakan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat bahasa Arab. Masalah yang menjadi fokus kajian iaitu masalah leksikal, morfologi, dan sintaksis.

Sementara itu, instrumen ujian diagnostik telah diuji ke atas pelajar tingkatan satu di beberapa buah sekolah yang menjadi sampel kajian. Ia bertujuan mengenalpasti pola ayat yang biasa digunakan pelajar dan aspek kelemahan pelajar semasa membina pola ayat tersebut. Pola ayat yang dimaksudkan dalam kajian ini iaitu pola ayat namaan (ismiyyat) dan pola ayat kerjaan (fi'liyyat) yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu semakan tahun 2006. Instrumen ujian ini mengukur tahap kecekapan pelajar dalam membezakan pola ayat namaan (ismiyyat) dan pola ayat kerjaan (fi'liyyat) dan kemahiran mereka membina ayat bahasa Arab. Selain itu, pengkaji mengenalpasti pola ayat yang biasa digunakan pelajar semasa membina ayat. Dari hasil dapatan ujian ini, pengkaji telah dapat mengenalpasti elemen tatabahasa yang menjadi kelemahan pelajar semasa membina ayat bahasa Arab.

Kajian deskriptif ini dijalankan ke atas pelajar tingkatan satu pada minggu kedua bulan Oktober 2009. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah pelajar dari aspek leksikal, morfologi dan sintaksis semasa membina ayat bahasa Arab. Selain itu aspek kelemahan dan kesilapan mereka dalam tatabahasa bahasa Arab juga dapat dikenalpasti. Dapatan dari soal selidik dan ujian diagnostik ini telah digunapakai oleh pengkaji bagi tujuan membina modul pengajaran pola ayat bahasa Arab.

5.1.2 Rekabentuk Kuasi-Eksperimen

Rekabentuk kuasi-eksperimen (*quasi-experimental*) telah digunakan pengkaji dalam fasa II kajian ini. Ia bertujuan melihat kesan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul ke atas kumpulan rawatan dan membandingkan kesan pendekatan tradisional terhadap kumpulan kawalan. Rekabentuk kuasi-eksperimen ini dipilih kerana pengkaji tidak dapat menggunakan prosedur perawakan sepenuhnya. Di dalam rekabentuk kajian ini, pengkaji menyediakan sampel dari kelas yang sedia ada tanpa memilih responden secara rawak. Pengkaji hanya berupaya menggunakan sampel yang terdiri daripada pelajar dalam sesuatu kelas tanpa mengganggu atau menyusun semula kedudukan pelajar dalam kelas berkenaan.

Menurut pandangan Chua Yan Piaw (2006:95) teknik padanan kurang berkesan untuk digunakan bagi rekabentuk kajian kuasi-eksperimen. Ini kerana untuk mengagihkan pasangan responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dalam dua kumpulan responden adalah mustahil, terutamanya dalam kes di mana terdapat pelbagai variabel bebas yang tidak dapat dimanipulasikan, seperti jantina, bangsa, umur, tahap IQ, jenis kerjaya, tahap pendidikan dan sebagainya.

Dalam kajian kuasi-eksperimen ini, rekabentuk ujian pra-pos bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang (*non-equivalent groups pre-post tests design*) digunakan. Rekabentuk ini mengandungi dua kumpulan responden yang tidak dipilih secara rawak. Menurut Mohd.Majid Konting (2000:134) rekabentuk ini sesuai digunakan untuk mengkaji masalah pembelajaran pelajar apabila kebanyakan subjek kajian telah sedia wujud dalam keadaan dan situasi tertentu. Dalam rekabentuk ini, pengkaji sukar

untuk memilih sampel secara rawak bagi mewakili kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ini kerana pengkaji tidak dapat menukar jantina, bangsa, pencapaian dan kedudukan pelajar di dalam kelas.

Dalam kajian kuasi-eksperimen ini, pengkaji hanya menggunakan kelas-kelas tingkatan dua di SMKA dan KAA di negeri Kedah yang sedia ada tanpa mengubah kedudukan dan pencapaian pelajar. Rajah 5.1 menunjukkan rekabentuk kuasi-eksperimen bagi kaedah ujian pra-pos kumpulan - kumpulan tidak seimbang:

Kumpulan	Pra Ujian	Variabel Bebas	Pos Ujian
E	C1	O1 (pendekatan modul)	C2
K	C1	O2 (pendekatan tradisional)	C2

RAJAH 5.1: Rekabentuk Kajian Kuasi-Eksperimen Kaedah Ujian Pra-Pos Tidak Seimbang

Dalam kajian ini, pihak pentadbir telah memaklumkan kepada pengkaji bahawa pencapaian akademik pelajar bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah hampir sama dan setara. Ini kerana kemasukan pelajar-pelajar ini ke SMKA adalah berdasarkan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan ujian khas kemasukan ke SMKA dan KAA. Hanya pelajar yang berkecuali sahaja dipilih untuk kemasukan ke tingkatan satu di SMKA dan KAA negeri Kedah. Rekabentuk kajian ini mempunyai dua kumpulan responden, satu kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan.


Justeru itu, dalam rekabentuk kuasi-eksperimen ini, pengkaji menggunakan pasangan kumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dalam kajian keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul ini, responden mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari umur dan pencapaian mereka di peringkat UPSR. Namun begitu, pencapaian pelajar dalam matapelajaran bahasa Arab semasa peperiksaan akhir tahun tingkatan satu menunjukkan sedikit perbezaan di antara pencapaian mereka dalam matapelajaran bahasa Arab.

Bagi menjelaskan lagi konsep rekabentuk ujian pra-pos bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang dalam kajian keberkesanan 'modul pengajaran pola ayat bahasa Arab: satu penilaian', satu kumpulan pelajar dari kelas A dijadikan sebagai kumpulan rawatan dan satu lagi kumpulan pelajar dari kelas B dijadikan kumpulan kawalan. Rekabentuk ini digunakan untuk melihat keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul dan pendekatan tradisional (tanpa menggunakan modul) ke atas pencapaian pelajar dalam pembinaan ayat bahasa Arab.

Subjek kajian diambil dari dua kelas yang telah distrukturkan oleh pihak pentadbir yang mempunyai pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Satu kelas dijadikan kelas rawatan dan satu kelas yang lain dijadikan kelas kawalan. Topik-topik yang difokuskan dalam modul ini adalah topik tatabahasa dalam huraian sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu.

Kajian ini dijalankan pada semester pertama iaitu awal bulan Februari 2010 dan berakhir pada akhir bulan April 2010. Sebanyak dua belas minggu pengajaran


dijalankan berdasarkan dua jenis pendekatan yang dikaji. Proses pengajaran kelas eksperimen menggunakan pendekatan modul pengajaran pola ayat dan kelas kawalan menggunakan pendekatan tradisional. Rekabentuk ujian pra-pos bagi kumpulan ini dirumuskan dalam rajah 5.2 berikut:



RAJAH 5.2: Rekabentuk Ujian Pra-pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Kesimpulannya rekabentuk kajian ‘Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab: Satu Penilaian’ merangkumi dua fasa iaitu fasa I yang merupakan kajian deskriptif.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat. Selain itu, kesalahan tatabahasa pelajar semasa membina ayat dikenalpasti dalam ujian diagnostik tatabahasa dan kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Sementara dalam fasa II, kajian kuasi-eksperimen dijalankan untuk mengukur keberkesanan pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab berbantuan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Rajah 5.3 menggambarkan keseluruhan rekabentuk kajian ini.



RAJAH 5.3: Rekabentuk Kajian Pembinaan Dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab

5.2 VARIABEL KAJIAN

Dua jenis variabel terdapat dalam kajian ini iaitu variabel bebas iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul dan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan pendekatan pengajaran tradisional. Manakala variabel bersandar iaitu pencapaian pelajar dalam membina ayat-ayat gramatis dalam bahasa Arab mengikut pola-pola yang telah ditentukan bagi pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan. Variabel bersandar juga melibatkan perbezaan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan kawalan mengikut kategori sekolah.

5.2.1 Variabel Bebas

Variabel bebas dalam kajian kuasi-eksperimen bermaksud variabel yang dikaji kesannya. Oleh itu, olahan variabel bebas (pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul) dikenakan ke atas variabel bersandar (pencapaian). Dengan perkataan lain, pengkaji ingin melihat kesan olahan variabel bebas pada variabel bersandar (pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis).

Variabel bebas dalam kajian ini diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu:

i. **Variabel Eksperimen** (*treatment variable*)

Variabel eksperimen ialah variabel yang dijangka akan menyebabkan perubahan secara sistematik kepada variabel bersandar (pencapaian). Ia merupakan sebab yang akan mengakibatkan kesan ke atas variabel bersandar dalam perhubungan sebab-

akibat (*cause-effect relationship*). Dalam kajian ini variabel bebas yang dimaksudkan ialah pendekatan pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab dengan menggunakan modul yang boleh dimanipulasikan oleh pengkaji.

Menurut Chua Yan Piaw (2006), perubahan pada variabel rawatan (variabel bebas) harus berlaku sebelum perubahan pada variabel bersandar. Ini adalah kerana, jika terdapat perubahan pada variabel bersandar (pencapaian) sebelum berlakunya perubahan pada variabel rawatan yang dimanipulasikan, perubahan dalam variabel bersandar sudah tentu bukan diakibatkan oleh perubahan pada variabel bebas iaitu modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Perubahan variabel bersandar itu mungkin disebabkan oleh variabel ekstranus atau variabel pengganggu.

Menurut Mohd Majid Konting (2000:110) kewujudan variabel ekstranus boleh mendatangkan kesan kepada variabel bersandar. Manakala Fraenkel Jack (1996:55) mengatakan kewujudan variabel ekstranus yang juga dikenali sebagai variabel bebas menyebabkan variabel bersandar terganggu dan tidak boleh dikawal. Di antara penyebab variabel bersandar dalam sesuatu kajian tidak dapat dikawal ialah kewujudan variabel ekstranus atau variabel bebas seperti personaliti guru, kecerdasan pelajar, masa pengajaran, subjek pengajaran, buku teks, jenis-jenis aktiviti pengajaran yang digunakan oleh guru yang mengajar dan juga kaedah pengajaran guru.

Rekabentuk kajian kuasi-eksperimen ini cuba mengenalpasti sama ada terdapat kesan terus daripada variabel bebas iaitu kelas rawatan (modul pengajaran pola ayat bahasa Arab) ke atas variabel bersandar (pencapaian pelajar membina ayat-ayat

gramatis dalam bahasa Arab). Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengawal variabel bebas (kelas rawatan) daripada dicemari oleh variabel ekstranus.

ii. Variabel Kawalan (*control variable*)

Variabel kawalan ialah variabel bebas yang bukan menjadi objektif kajian. Dalam kajian ini, variabel kawalan adalah pelajar-pelajar dalam kelas kawalan yang mempelajari pola ayat bahasa Arab menggunakan pendekatan sedia ada yang diamalkan oleh guru mereka sebelum ini. Variabel kawalan ini mungkin juga akan memberi kesan ke atas perubahan variabel bersandar seperti minat, motivasi dan pencapaian. Dalam kajian ini, ia mungkin akan memberi kesan kepada variabel bersandar iaitu pencapaian. Oleh itu, dalam rekabentuk kuasi-eksperimen, semua variabel kawalan perlu dikawal iaitu disamakan dalam kedua-dua set rawatan dan set kawalan.

Dalam kajian ini, pendekatan pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab menggunakan pendekatan sedia ada ataupun pendekatan tradisional adalah variabel kawalan. Manakala pendekatan pengajaran pola ayat berbantuan modul pola ayat adalah variabel rawatan. Dalam rekabentuk kuasi-eksperimen, semua variabel perlu dikawal iaitu disamakan dalam kedua-dua set, samada set rawatan dan set kawalan iaitu guru yang sama akan mengajar kedua-dua kumpulan tersebut. Selain itu, pencapaian pelajar dalam kedua-dua set kawalan dan rawatan juga diambilkira walaupun terdapat sedikit perbezaan pencapaian di antara responden.

iii. Variabel bebas

Variabel bebas yang dimaksudkan di sini adalah variabel bebas lain yang terdapat dalam kajian ini iaitu jenis sekolah. Pengkaji ingin melihat samada terdapat perbezaan min yang signifikan antara jenis sekolah SMKA dan KAA terhadap pencapaian pelajar dalam membina ayat bahasa Arab sama ada sebelum dan selepas menggunakan modul.

5.2.2 Variabel Bersandar

Variabel bersandar dalam kajian ini ialah skor pencapaian pelajar dalam membina ayat mengikut pola-pola ayat yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Sebelum pengkaji memperolehi kesan rawatan terhadap skor pencapaian pelajar, ujian pra telah dijalankan ke atas kedua-dua kumpulan. Ia bertujuan untuk memastikan pencapaian kedua-dua kumpulan adalah hampir setara.

Setelah 10 minggu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan modul pengajaran pola ayat, responden diuji dengan ujian pos untuk menilai keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul terhadap pencapaian pelajar dalam membina ayat-ayat gramatis bahasa Arab. Hasil daripada skor pencapaian ujian pos, pengkaji telah melihat kesan olahan variabel bebas (variabel rawatan) ke atas pencapaian pelajar.

5.2.3 Variabel Ekstranus (Pembolehubah Pencemar)

Menurut Fraenkel Jack (1996:55) variabel ekstranus ialah variabel bebas yang boleh memberi kesan terus kepada variabel bersandar. Bagi seseorang pengkaji mereka mesti memastikan bahawa tidak terdapat variabel ekstranus yang boleh mencemarkan variabel bebas (modul) yang telah ditentukan olehnya. Menurut Mohd Majid Konting (2000), kewujudan variabel ekstranus ini boleh mempengaruhi atau mendatangkan kesan kepada perubahan variabel bersandar. Dalam penyelidikan kuasi-eksperimen, penyelidik perlu mengawal kesan pembolehubah ekstranus daripada mempengaruhi variabel bersandar dan variabel bebas.

Dalam kajian ini, beberapa variabel ekstranus dikenalpasti oleh pengkaji di antaranya ialah suhu bilik darjah, personaliti guru bahasa Arab, gaya penyampaian dan gaya pengajaran guru. Oleh itu, pengkaji dalam kajian ini perlu peka dan mengawal kesan variabel ekstranus daripada mempengaruhi dan mendatangkan kesan kepada variabel bersandar dan variabel tidak bersandar. Misalnya, gaya pengajaran guru diselaraskan oleh pengkaji supaya tidak terdapat perbezaan yang ketara dengan gaya pengajaran yang dikehendaki oleh pihak pengkaji.

Oleh itu, pengkaji telah memberi taklimat yang jelas kepada guru-guru yang terlibat dalam kajian ini bagi memastikan variabel ekstranus tidak mempengaruhi pencapaian pelajar. Ketua Panitia Bahasa Arab di sekolah yang dikaji telah diminta untuk memantau gaya pengajaran guru bahasa Arab yang mengajar kelas rawatan.

5.3 SAMPEL KAJIAN

Sampel responden kajian keseluruhan terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu aliran agama di tiga buah sekolah di negeri Kedah. SMK 1 dan SMK 2 hanya mempunyai 2 kelas aliran agama (KAA), manakala SMK 3 (SMKA) mempunyai empat kelas tingkatan satu. Sampel kelas tidak dipilih secara rawak kerana ditentukan oleh pihak pentadbir sekolah. Dua buah kelas bagi setiap sekolah telah dipilih untuk dijadikan sampel. Satu kelas dijadikan kelas rawatan dan satu kelas lagi dijadikan kelas kawalan.

Kajian ini telah dijalankan dalam dua fasa. Dalam fasa I, seramai 178 sampel kajian telah terlibat iaitu pelajar-pelajar tingkatan satu. Kajian fasa I ini akan dijalankan pada bulan Oktober tahun 2009. Manakala dalam fasa II pula, sampel yang sama juga telah terlibat dalam kajian ini. Kajian fasa II dijalankan pada bulan Februari tahun 2010. Ujian pencapaian pra dan pos melibatkan 178 orang pelajar yang sama yang mana mereka telah berada di tingkatan dua pada tahun 2010.

Oleh itu, untuk mendapat keputusan yang tepat, adalah dicadangkan guru yang sama mengajar bagi kedua-dua kumpulan kelas tersebut, samada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Sehubungan dengan itu, pengkaji berbincang dengan pihak pentadbir untuk menentukan guru yang mengajar kelas kumpulan rawatan dan kelas kumpulan kawalan.

5.3.1 Latarbelakang Guru Bahasa Arab

Guru yang mengajar kelas rawatan dan kawalan adalah guru yang dipilih oleh pihak sekolah. Untuk memastikan kesahan kajian ini, pengkaji memastikan ketiga-tiga guru yang dilantik dalam kajian ini adalah mempunyai latarbelakang pendidikan yang sama dari segi kelulusan dan pengalaman mengajar. Jadual 5.1 menerangkan secara ringkas latarbelakang guru yang dilantik oleh pentadbir dan mendapat persetujuan pengetua terlibat dalam kajian ini.

JADUAL 5.1: Latarbelakang Guru bahasa Arab di 3 Buah Sekolah

Bil	Aspek	SMK 1	SMK 2	SMK 3
1	Jantina	Lelaki	Perempuan	Perempuan
2	Umur	39 tahun	42 tahun	40 tahun
3	Kelulusan Akademik	BA (Hons) (Jordan)	BA (Hons) (UKM)	BA (Hons) (UIA)
4	Kelulusan Ikhtisas	Bahasa Arab (Sijil Perguruan MPI)	Bahasa Arab (Diploma Pendidikan UIA)	Bahasa Arab (Sijil Perguruan MPI)
5	Pengalaman Mengajar	10 tahun	17 tahun	10 tahun
6	Pengalaman Mengajar Bahasa Arab	10 tahun	7 tahun	10 tahun
7	Pengalaman Mengajar Tingkatan Dua	9 tahun	4 tahun	7 tahun

Berdasarkan jadual 5.1 di atas perbezaan kecil latarbelakang guru hanya pada aspek negara tempat mereka belajar bahasa Arab dan juga dari segi umur dan pengalaman mengajar bahasa Arab dan pengalaman mengajar tingkatan dua. Walaupun terdapat perbezaan antara guru, pengkaji memberi sedikit taklimat dan latihan insentif serta bimbingan kepada guru-guru bagi mengendalikan kelas-kelas yang telah dipilih.

5.3.2 Latarbelakang Sekolah Yang Terlibat Dalam Kajian Kuasi-Eksperimen

Berikut dinyatakan latarbelakang tiga buah sekolah yang terlibat dalam kajian kuasi-eksperimen ini iaitu (a) SMK 1, (b) SMK 2, (c) SMK 3. Kesemua sekolah ini terletak di negeri Kedah Darul Aman.

5.3.2.1 Sekolah Menengah Kebangsaan 1

SMK 1 merupakan sekolah aliran akademik biasa yang menawarkan kelas bahasa Arab di peringkat menengah rendah. Terletak di tengah bandar Sungai Petani dalam daerah Kuala Muda. Sekolah ini mempunyai 1800 orang pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan enam atas.

Penubuhan kelas bahasa Arab ini bermula dari tahun 1992. Sejak bermulanya kelas aliran bahasa Arab ini didapati sambutan menggalakkan dari pihak ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini. Kemasukkan pelajar ke kelas aliran agama ini adalah berdasarkan keputusan cemerlang UPSR dan ujian khas kemasukkan ke aliran agama. Sekolah ini menawarkan dua kelas bahasa Arab bagi setiap tingkatan bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Walaupun sekolah

ini merupakan sekolah aliran akademik biasa, namun bahasa Arab diajar di peringkat menengah rendah iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

5.3.2.2 Sekolah Menengah Kebangsaan 2

SMK 2 diasaskan pada tahun 1963. Pada awalnya sekolah ini dinamakan Sekolah Menengah Perempuan Telok Chengai. Setelah enam tahun beroperasi sekolah ini dirasmikan oleh Menteri Pelajaran iaitu YB Datuk Patinggi Hj Abdul Yaakub pada 18 Oktober 1969. SMK 2 terletak lebih kurang 5 km dari bandar Alor Setar. Mempunyai 1500 orang pelajar.

Pada tahun 1994 sekolah ini mewujudkan kelas aliran agama (KAA) yang mana menawarkan matapelajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah (PMR). Kemasukan pelajar di kelas aliran agama ini adalah berdasarkan ujian pencapaian sekolah rendah (UPSR) dan ujian khas kemasukan ke kelas aliran agama. Hanya pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang sahaja yang dipilih masuk ke aliran agama ini. Kelas aliran agama ini mempunyai 2 kelas bagi setiap tingkatan. Sekolah ini menawarkan kelas aliran bahasa Arab dari kelas tingkatan satu hingga kelas tingkatan lima.

Walaupun sekolah ini merupakan sekolah aliran akademik biasa, namun suasana persekitaran sekolah menunjukkan inisiatif pihak Panitia Bahasa Arab mewujudkan '*biah arabiah*' di persekitaran sekolah.

5.3.2.3 Sekolah Menengah Kebangsaan 3

SMK 3 dibuka pada 1 Januari 1997. Sekolah ini adalah sekolah aliran agama sepenuhnya. Terletak kira-kira 50 km dari Bandar Sungai Petani , Kedah. Sekolah ini mempunyai 776 orang pelajar iaitu terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Kemasukkan pelajar ke sekolah ini adalah berdasarkan pencapaian cemerlang mereka dalam UPSR. Hanya pelajar yang layak sahaja dipilih masuk ke sekolah ini. Semua pelajar di sekolah ini diwajibkan tinggal di asrama.

Matapelajaran bahasa Arab merupakan matapelajaran utama dan wajib dipelajari oleh pelajar di sekolah ini. Pelajar-pelajar yang gagal dalam matapelajaran bahasa Arab tidak dibenarkan menyambung pengajian mereka di tingkatan empat.

5.3.2.4 Rasional Pemilihan Sekolah Untuk Kajian Eksperimen

Berikut adalah kriteria pemilihan sekolah-sekolah ini untuk kajian eksperimen;

- i. Kriteria Pertama: Pengajaran Bahasa Arab Di SMK 1, SMK 2 dan SMK 3**
Pengajaran bahasa Arab di sekolah ini adalah menggunakan sukatan pelajaran bahasa Arab yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Buku teks yang digunakan adalah dibekalkan oleh Bahagian Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Begitu juga guru-guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah-sekolah ini adalah terdiri daripada guru-guru terlatih yang dibekalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia.

ii. Kriteria Kedua: Ciri-ciri Sekolah

Sekolah-sekolah yang menjadi subjek kajian mempunyai ciri-ciri persamaan iaitu menawarkan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar tingkatan satu hingga tingkatan 3.

Suasana persekitaran sekolah juga menggambarkan bahawa sekolah ini menawarkan matapelajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajarnya. Terdapat beberapa papan tanda yang bertulisan Arab dan juga logo-logo yang berbahasa Arab yang menunjukkan suasana '*biah Arabiah*' di sekolah yang terlibat dengan kajian ini.

Semua sekolah menggunakan kurikulum yang sama iaitu kurikulum yang telah disediakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum yang dimaksudkan ialah Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Satu Tahun 2006.

Selain itu, buku teks yang digunakan oleh sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian juga adalah sama iaitu buku '*Bahasa Arab*' tingkatan satu, tahun 2008 yang diterbitkan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia.

iii. Kriteria Ketiga: Ciri-ciri Pelajar Dalam Kelas Rawatan Dan Kelas

Kawalan

Di bawah ini dijelaskan secara terperinci tentang ciri-ciri sampel yang terlibat dalam kelas rawatan, kelas kawalan.

i. Umur

Dalam kajian ini perbezaan umur pelajar juga diambilkira. Semua pelajar yang terlibat di kelas rawatan dan kelas kawalan ini berumur sekitar 14 tahun. Ini penting bagi menjamin kesahan kajian kuasi-eksperimen dari sudut kematangan. Menurut Fraenkel

Jack R & Norman E (1996), satu cara untuk mengawal kesan kematangan dalam kajian eksperimen ialah memastikan sampel yang terlibat dalam kajian ini tidak mempunyai perbezaan yang berbeza dari segi umur dan kematangan.

ii. Pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 2008

Pencapaian UPSR bagi sampel kajian juga diambilkira. Ini penting bagi memastikan kesahan kajian dari aspek pemilihan sampel kelas kumpulan rawatan dan kawalan. Menurut Mohd Majid Konting (2000), sekiranya sesuatu kumpulan mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan kumpulan yang lain tidak mempunyai ciri-ciri yang sama, maka cerapan ke atas kumpulan-kumpulan tersebut akan menghasilkan dapatan yang berbeza.

iii. Pencapaian Ujian Akhir Tahun Matapelajaran Bahasa Arab Tingkatan Satu Tahun 2009

Selain dari pencapaian UPSR diambilkira dalam pemilihan sampel ini, maka keputusan ujian akhir tahun juga dilihat bagi memastikan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara sampel yang dipilih dan terlibat dalam kajian kuasi-eksperimen ini.

5.4 PROSEDUR KAJIAN DI SEKOLAH

Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu fasa I iaitu kajian deskriptif dan kajian fasa II iaitu kajian kuasi-eksperimen .

5.4.1 Prosedur Kajian Fasa I (Kajian Deskriptif)

Kajian fasa I ini dijalankan pada bulan oktober 2009. Subjek kajian ini terdiri dari para pelajar tingkatan satu tahun 2009. Kajian ini mengambil masa seminggu sahaja. Pengkaji menjalankan soal selidik dan ujian diagnostik ke atas subjek kajian yang telah dikenalpasti.

Jadual 5.2: Jadual Rekabentuk Pelaksanaan Kajian Deskriptif Di Sekolah (FASA I)

Hari	Aktiviti	Tindakan
1	a) Memohon kebenaran dari pihak Pengetua Sekolah untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut.	Pengetua Pengkaji
	b) Mengenalpasti kelas-kelas yang terlibat dalam kajian.	
	c) Memberi taklimat kepada pelajar yang terlibat dalam kajian.	
2	a) Mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang terlibat dalam kajian.	Pengkaji Pelajar
	b) Pelajar menjawab soalan dalam soal selidik.	
3	a) Mengedarkan soalan ujian diagnostik.	Pelajar
	b) Pelajar menjawab soalan ujian diagnostik	Pengkaji

Dapatan dari soal selidik dan ujian diagnostik ini telah digunapakai oleh pengkaji bagi tujuan membina modul pengajaran pola ayat bahasa Arab.

5.4.2 Prosedur Kajian Fasa II (Kajian Kuasi-Eksperimen)

Kajian kuasi-eksperimen ini mengambil masa selama dua belas minggu iaitu seminggu digunakan untuk memberi taklimat kepada guru-guru yang mengajar dan 11 minggu lagi digunakan bagi menjalani pengajaran berdasarkan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pelaksanaan kajian ini dirumuskan seperti jadual 5.5 berikut:

Jadual 5.3: Jadual Rekabentuk Pelaksanaan Kajian Kuasi-Eksperimen Di Sekolah (FASA II)

Minggu	Aktiviti	Tindakan
1	a) Memohon kebenaran dan berbincang dengan pengetua sekolah. b) Mengenalpasti kelas-kelas yang terlibat dalam kajian. c) Mengenalpasti guru-guru yang terlibat dalam pengajaran kelas rawatan dan kawalan. d) Memberi taklimat kepada guru dan pelajar yang terlibat dalam kajian.	Pengetua Ketua Panitia Bahasa Arab Pengkaji
2	a) Menjalankan ujian pra. b) Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit1) dan pendekatan tradisional 1	Pengkaji Guru Pelajar Rawatan dan Kawalan
3	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 2) dan pendekatan tradisional 2	Guru Pelajar Kelas Rawatan dan Kawalan
4	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 3) dan pendekatan tradisional 3	Guru Pelajar Kelas Rawatan dan Kawalan
5	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 4) dan pendekatan tradisional 4	Guru Pelajar Kelas Rawatan dan Kawalan

6	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 5) dan pendekatan tradisional 5	Guru Pelajar Kelas Rawatan dan Kawalan
7	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 6) dan pendekatan tradisional 6	Guru Pelajar Kelas Rawatan dan Kawalan
8	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 7) dan pendekatan tradisional	Guru Pelajar Kelas Rawatan
9	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 8) dan pendekatan tradisional 8	Guru Pelajar Kelas Rawatan
10	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 9) dan pendekatan tradisional 9	Guru Pelajar Kelas Rawatan
11	Sesi pengajaran pendekatan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab (unit 10) dan pendekatan tradisional 10	Guru Pelajar Kelas Rawatan
12	Menjalankan Ujian Pos	Pelajar Kumpulan Rawatan dan Kawalan

5.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Data-data kajian ini dikumpul dari pendekatan kuantitatif. Menurut Patton (1990), pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi responden terhadap soalselidik. Justeru beberapa instrumen dan teknik pengumpulan data digunakan dalam kajian ini. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumbalas dari pelajar tentang masalah yang mereka hadapi ketika mempelajari pola ayat bahasa Arab.

Manakala ujian diagnostik digunakan untuk mengenalpasti aspek-aspek kelemahan dan kesilapan pelajar semasa membina ayat bahasa Arab. Setelah responden menjalani ujian tersebut, kertas jawapan mereka diperiksa, dianalisa dan dikenalpasti aspek-aspek kelemahan pelajar. Apabila pengkaji telah mengenalpasti aspek-aspek kelemahan pelajar, maka pengkaji menyenaraikannya dan menggunakannya sebagai landasan dalam membina modul pola ayat bahasa Arab. Pengkaji memulakan penulisan modul dengan memperkenalkan pola-pola ayat ismiyyat dalam bab pengenalan. Setelah itu, pengkaji membahagikan pola-pola tersebut ke dalam unit 1 hingga unit 10. Begitu juga mengenai pola ayat fi ° liyyat, di mana pengkaji menyenaraikan pola-pola ayat fi ° liyyat dalam bab pengenalan dan memperincikan pola-pola tersebut ke dalam 10 unit yang berikutnya.

Soalan-soalan ujian dibina bagi menguji kebolehan pelajar membina ayat-ayat ismiyyat dan fi ° liyyat secara gramatis. Soalan-soalan ini meliputi soalan ujian formatif, sumatif, ujian pra dan ujian pos. Semua soalan ini akan dibincangkan di bawah tajuk instrumen kajian secara terperinci.

5.6 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum penghasilan modul dan selepas pembinaan modul. Di peringkat fasa pertama kajian, iaitu sebelum penghasilan modul, kajian deskriptif digunakan. Dalam kajian deskriptif ini dua jenis instrumen digunakan iaitu instrumen soalselidik dan ujian diagnostik. Instrumen soalselidik digunakan bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat dalam bahasa Arab. Ujian diagnostik

digunakan bagi mengenalpasti kelemahan dan kesilapan pelajar ketika membina ayat bahasa Arab.

Di peringkat kedua ialah peringkat eksperimen. Modul dibina dan dijadikan sebagai instrumen rawatan dalam kajian ini. Modul digunakan oleh guru dan pelajar kumpulan rawatan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran pola ayat bahasa Arab. Selain itu ujian pra dan pos adalah instrumen penting yang digunakan dalam fasa kedua ini bagi mengukur pencapaian pelajar sebelum dan selepas rawatan dijalankan.

5.6.1 Instrumen Kajian Fasa I

Instrumen kajian fasa I terdiri dari soalselidik dan ujian pengesanan kemahiran tatabahasa dan ujian pembinaan ayat bahasa Arab.

i. Soal Selidik

Soalselidik terdiri dari 2 bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan demografi pelajar, bahagian B mengandungi item-item yang berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi pelajar untuk membina ayat dalam bahasa Arab. Item-item yang dikaji dalam soal selidik ini merangkumi aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Pengkaji cuba menyelidiki masalah-masalah yang dihadapi pelajar di dalam ketiga-tiga aspek tersebut yang merupakan tunggak utama bagi membina sesuatu ayat bahasa Arab. Item-item yang terdapat dalam soal selidik yang merangkumi aspek leksikal, morfologi dan sintaksis seperti dalam jadual 5.4.

JADUAL 5.4: Pengkelasan Item Soal selidik

Aspek	No. Item Soal Selidik
Leksikal	1, 10, 11, 12, 13, 15, 16,19,23
Morfologi	3, 5, 6, 9, 22, 24, 25
Sintaksis	2, 4, 7, 8, 12, 14, 18, 20, 21

Soal selidik ini digubah dengan menggunakan skala Likert yang mengandungi 5 skala. Menurut Chua Yan Piaw (2006) skala Likert banyak digunakan dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan. Ini kerana skala Likert mengandungi kelebihan iaitu; (a) ia mudah diurus dan dipakai, (b) item-itemnya mudah dijawab oleh responden, (c) data yang dipungut melalui skala Likert lebih tinggi kebolehpercayaan berbanding dengan skala-skala lain seperti Thurstone dan Guttman. Item bahagian B dalam soalselidik ini menggunakan skala Likert 5 seperti dalam jadual 5.5 berikut;

JADUAL: 5.5: Nilai Skala Likert 5 Dan Indikatornya

Nilai Skala	Indikator
(1)	Sangat tidak setuju (STS)
(2)	Tidak Setuju (TS)
(3)	Tidak pasti (TP)
(4)	Setuju (S)
(5)	Amat setuju (AS)

ii. Ujian Diagnostik

Ujian diagnostik telah dibina mengandungi topik-topik yang berkaitan dengan tatabahasa dan ayat bahasa Arab yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu. (JAPIM,2006). Set soalan ini bertujuan mengenalpasti kecekapan dan kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab ketika membina ayat. Item-item yang terdapat dalam set soalan ujian diagnostik ini dibahagikan mengikut topik tatabahasa bahasa Arab tingkatan satu.

Ujian diagnostik ini terbahagi kepada 8 item soalan. Item-item ini meliputi tajuk-tajuk tatabahasa yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu. (JAPIM, 2006) Berikut adalah item soalan diagnostik yang dibina oleh pengkaji iaitu;

Soalan Satu:

Item-item yang terdapat dalam soalan satu ini meliputi tajuk pembahagian perkataan dalam bahasa Arab. Soalan ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu (a) mengenalpasti kata kerja (فِعْلٌ), (b) mengenalpasti kata nama (اسْمٌ), dan (c) mengenalpasti kata sendi (حَرْفٌ). Pelajar dikehendaki mengelaskan perkataan bahasa Arab mengikut bahagian-bahagian tertentu iaitu kata nama, kata kerja dan kata sendi.

Soalan Dua:

Soalan ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan di antara kata nama maskulin (الاسْمُ الْمُدَكَّرُ) dan kata nama feminin (الاسْمُ الْمُؤَنَّثُ) . Pelajar dikehendaki memilih

perkataan yang menunjukkan maskulin atau feminin dan mengisinya dalam ruang yang telah disediakan.

Soalan Tiga:

Item-item soalan tiga merangkumi tajuk kata nama tunggal (الاسْمُ الْمُفْرَدُ), kata nama duaan (الاسْمُ الْمُثَنَّى) dan kata nama jamak (الاسْمُ الْجُمُعُ). Tujuan soalan ini adalah untuk mengenalpasti kemampuan pelajar membezakan kata nama tunggal, kata nama duaan ataupun kata nama jamak. Pelajar dikehendaki memilih kata nama yang sesuai dan mengisi ruang yang telah disediakan.

Soalan Empat:

Bahagian ini mengandungi soalan mengenai kata kerja dan derivasinya. Pelajar dikehendaki melengkapkan jadual berkaitan dengan kata kerja lepas (الْفِعْلُ الْمَاضِي), kata kerja sedang (الْفِعْلُ الْمَصْرَعِ) dan kata perintah (الْفِعْلُ الْأَمْرِ). Tujuannya untuk mengenalpasti tahap kecekapan pelajar terhadap kata kerja dan derivasinya dalam bahasa Arab.

Soalan Lima:

Soalan ini meliputi tajuk yang berkaitan dengan ayat ismiyyat. Pelajar dikehendaki menyusun ayat daripada perkataan yang telah disediakan. Ayat-ayat yang diuji di dalam soalan ini merangkumi semua unit pola yang terdapat dalam sukatan pelajaran tingkatan satu. Soalan dimulakan dengan pola yang paling mudah sehingga pola yang sukar.

Soalan Enam:

Soalan mengenai ayat fi'liyyat yang mengandungi 5 soalan. Bagi memastikan pelajar menguasai pola ayat fi'liyyat, bentuk item soalan iaitu menukarkan ayat ismiyyat kepada ayat fi'liyyat.

Soalan Tujuh:

Soalan ketujuh adalah berkaitan dengan pengecaman ayat samada ayat berbentuk ayat namaan (جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ) atau ayat kerjaan (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ). Responden dikehendaki mengelaskan ayat kepada ayat namaan atau ayat kerjaan.

Soalan Lapan:

Soalan ini adalah berkaitan dengan pemilihan ayat betul atau ayat salah. Responden dikehendaki memilih ayat yang betul dalam pilihan jawapan yang telah diberikan.

5.6.2 Instrumen Kajian Fasa II

Kajian fasa kedua ini menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab sebagai instrumen. Penilaian formatif, penilaian sumatif, ujian pra dan ujian pos merupakan instrumen bagi menilai keberkesanan pengajaran pola ayat menggunakan modul. Berikut dijelaskan secara terperinci instrumen yang terdapat dalam fasa II kajian ini.

i. Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab

Instrumen kajian fasa II terdiri daripada modul pengajaran yang telah dibina oleh pengkaji. Ia merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dan pelajar di dalam kelas rawatan. Modul ini terdiri daripada dua bahagian iaitu

bahagian yang melibatkan pola ayat ismiyyat dan pola ayat fi'liyyat. Setiap bahagian mewakili pola-pola ayat yang telah dikenalpasti dan memenuhi kehendak sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (JAPIM: 2006). Pengkaji telah menggubal modul menggunakan kosakata dan pola-pola ayat yang terdapat dalam sukatan pelajaran tingkatan satu yang terdiri dari dua bahagian.

Bahagian A terdiri dari pola ayat ismiyyat mengandungi 6 pola ayat mewakili pola maskulin dan pola feminin. Setiap pola disertakan set soalan ujian formatif bagi menilai keberkesanan pendekatan pengajaran berbantuan modul dan kefahaman pelajar terhadap pengajaran guru. Di akhir bahagian A diberikan soalan membina ayat bagi menguji keseluruhan pencapaian pelajar membina ayat-ayat ismiyyat. Selain itu ujian formatif ini untuk mengenalpasti sejauhmana bahan pengajaran yang dibina oleh pengkaji ini dapat diterima oleh pelajar sebagai bahan bantu mengajar. Sementara itu, bahagian B terdiri dari pola ayat fi'liyyat yang terdiri dari 4 pola mewakili pola maskulin dan pola feminin. Setiap pola diberi set soalan ujian formatif bagi menilai keberkesanan bahan bantu mengajar ini. Di akhir bahagian B pelajar dibekalkan dengan soalan membina ayat mengikut pola ayat fi'liyyat bagi menguji keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat fi'liyyat berbantuan modul.

Modul ini membekalkan pelajar dengan kosakata yang terdapat dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu bagi membantu mereka membina ayat menggunakan pola-pola ayat yang telah mereka pelajari. Ini bersesuaian dengan pendapat Ta'imah (1989) yang mengatakan bahawa matlamat akhir pembelajaran bahasa supaya pelajar dapat menguasai kosakata dan susunan ayat supaya pelajar dapat menggunakannya ketika berkomunikasi. Menurut Ta'imah (1989) pakar

psikologi pendidikan mengatakan pembelajaran kosakata hendaklah seiring dengan pengajaran pola ayat di mana pengajaran kosakata tidak sesuai diajar secara bersendirian atau berpisah dari konteks ayat.

Di akhir modul, satu set soalan ujian sumatif diberikan bagi menguji keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul. Bentuk-bentuk penilaian sumatif ini akan dibincangkan secara menyeluruh dalam tajuk berikutnya.

ii. Penilaian Formatif

Menurut Dick & Carey (2005) penilaian formatif merupakan satu proses mengumpul data dan maklumat sepanjang proses pembinaan dan pembangunan bahan pengajaran. Dalam kajian ini modul pola ayat yang dibina adalah satu instrumen yang digunakan sebagai pendekatan pengajaran. Selain itu, penilaian formatif juga dapat mengesan kekuatan dan kelemahan penguasaan pelajar dalam sesuatu kemahiran yang telah diajarkan, ianya juga digunakan untuk menilai keberkesanan dan kecekapan rekabentuk bahan pengajaran yang dibina.

Menurut Dick & Carey (1996) penilaian formatif ini adalah proses penilaian bersifat positif, konstruktif, dan bukan bertujuan untuk menilai kerana tujuannya semata-mata menambahbaik sesuatu program yang sedang dijalankan. Dalam kajian ini ujian kertas-pensil dalam bentuk formal digunakan untuk menilai kemampuan dan kefahaman pelajar menggunakan modul pengajaran ini. Ujian kertas-pensil ini lazimnya diadakan selepas setiap unit pembelajaran telah diajarkan. Keputusan ujian

ini direkod dalam borang prestasi yang akan digunakan untuk menentukan tindakan selanjutnya, seperti menempatkan pelajar dalam kumpulan-kumpulan yang sesuai dan merancang aktiviti pengayaan serta aktiviti pemulihan untuk mereka.

iii. Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif meliputi aktiviti pengujian dan pengukuran yang dilakukan ke atas beberapa unit pembelajaran. Cara penilaian yang digunakan adalah dalam bentuk formal dengan menggunakan ujian kertas-pensil atau ujian bertulis. Penilaian sumatif dalam kajian ini adalah ujian yang digunakan untuk menilai keberkesanan keseluruhan unit yang telah dipelajari pelajar.

Penilaian ini dilaksanakan apabila pelajar-pelajar selesai mempelajari pola-pola ayat dalam setiap bahagian samada bahagian A dan bahagian B. Penilaian sumatif merangkumi soalan-soalan yang melibatkan semua unit yang telah dipelajari dalam bahagian A dan bahagian B. Tujuan diadakan penilaian sumatif ini ialah mengesan pencapaian pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan setelah mereka selesai mempelajari pola ayat bahasa Arab selama 12 minggu. Pencapaian pelajar direkodkan untuk melihat keberkesanan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul. Ujian sumatif ini merangkumi ujian pra dan ujian pos. Ujian pra dan pos ini berbentuk "*parallel form*" iaitu sama dari segi format, bilangan dan aras soalan. Walaubagaimanapun ianya berbeza dari kandungan soalan adalah berbeza.

iv. Ujian Pra dan Ujian Pos

Ujian Pra adalah ujian yang diberikan kepada semua pelajar kumpulan rawatan dan kawalan sebelum mereka mempelajari pola-pola ayat bahasa Arab menggunakan modul. Ia bertujuan mengukur kecekapan pelajar dalam membina ayat-ayat gramatis. Sementara ujian pos pula adalah ujian yang sama dari segi format dan struktur dengan ujian pra. Ujian ini dijalankan kepada semua pelajar samada pelajar dari kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ia bertujuan menilai keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab samada pendekatan berbantuan modul ataupun pendekatan tradisional.

Ujian pra dan ujian pos telah dibina pengkaji bagi mengukur kecekapan pelajar membina ayat ismiyyat dan ayat fi'liyyat berdasarkan 6 aras taksonomi Gronlund (1982) yang diadaptasi dari Dahan.H.B (2002:94). Instrumen ini dibina berpandukan sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan satu (JAPIM, 2006). Jadual 5.6 adalah aras taksonomi Gronlund (1982);

JADUAL 5.6: Aras Taksonomi Gronlund (1982)

Aras Taksonomi	Contoh katakerja yang menentukan hasil pembelajaran
Pengetahuan	Kenalkan, namakan, senaraikan, suaikan, pilih.
Kefahaman	Kelaskan, jelaskan, ringkaskan, tukarkan, andaikan.
Aplikasi	Demonstrasikan, selesaikan, kirakan, susun, ubahsuaikan, kaitkan.
Analisis	Bezakan, anggarkan, pisahkan, simpulkan, susunkan.
Sintesis	Cantumkan, ciptakan, formulakan, rekabentuk, bina, susun semula, semak.
Penilaian&Pentaksiran	Menghukum, kritikan, banding beza, justifikasikan, buktikan, kesimpulan, sokongkan.

Bagi membina soalan ujian pra dan pos, Jadual Penentu Ujian (JPU) digubal pengkaji terlebih dahulu. Berikut adalah JPU seperti ditunjukkan dalam jadual 5.7.

Jadual 5.7: Jadual Penentu Ujian Bagi Ujian Pra dan Pos

No Soalan	Kandungan Soalan	Hasil Pembelajaran	Aras Kognitif					
			Pengetahuan	Kefahaman	Aplikasi	Analisis	Sintesis	Penilaian
1	10	H.P unit 1,2,3,4	1					
2	5	H.P unit 1,2,3,4,5		1				
3	5	H.P unit 1,4,7,8			1			
4	5	H.P unit 8,5,10				1		
5	5	H.P unit 1-10					1	
6	10	H.P unit 1-10						1

Berikut adalah 6 aras soalan ujian pra dan pos yang dibina pengkaji;

a. Soalan 1- Aras Pengetahuan

Ia mengandungi 10 soalan berbentuk mensuaikan frasa. Instrumen ini bertujuan mengukur kecekapan pelajar mensuaikan dua frasa dari jadual yang disediakan bagi membentuk ayat yang gramatis.

b. Soalan 2- Aras Kefahaman

Ia mengandungi 5 soalan aneka pilihan. Instrumen ini bertujuan mengukur kecekapan pelajar dalam mengelaskan ayat gramatis.

c. Soalan 3- Aras Aplikasi

Ia mengandungi 5 soalan struktur. Instrumen ini bertujuan mengukur kecekapan pelajar mengubahsuai ayat yang tidak gramatis menjadi ayat yang gramatis.

d. Soalan 4- Aras Analisis

Ia mengandungi 5 soalan struktur. Instrumen ini bertujuan mengukur kecekapan pelajar menyusun semula perkataan-perkataan yang disediakan bagi membentuk ayat-ayat yang gramatis.

e. Soalan 5- Aras Sintesis

Ia mengandungi 5 soalan struktur. Instrumen ini bertujuan mengukur kecekapan pelajar membina ayat-ayat gramatis dari 5 perkataan yang dicadangkan.

f. Soalan 6- Aras Penilaian

Ia mengandungi 10 soalan struktur. Instrumen ini bertujuan mengukur kecekapan pelajar menilai samada ayat-ayat yang diberikan berbentuk gramatis ataupun tidak gramatis.

Ujian pra dan ujian pos dijalankan kepada kedua-dua kumpulan samada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Keputusan ujian pra dan pos direkodkan bagi tujuan mengukur keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab samada pendekatan berbantuan modul atau pendekatan tradisional.

5.7 KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN

Kesahan sesuatu instrumen kajian merujuk kepada ketekalan instrumen itu dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Instrumen yang mengukur dengan tepat

sesuatu variabel yang dikaji dikatakan sah sebagai pengukur bagi variabel tersebut. Dalam kajian ini, kesahan meliputi kesahan kajian deskriptif dalam fasa I dan kesahan kajian eksperimen dalam fasa II. Kesahan fasa I boleh dilihat dari tiga aspek kesahan iaitu kesahan kandungan, kesahan kriteria dan kesahan gagasan. Manakala kesahan fasa II meliputi dua aspek kesahan iaitu kesahan luaran dan kesahan dalaman.

5.7.1 Kesahan Instrumen Kajian Deskriptif (Fasa I)

Menurut Fraenkel (2000) kesahan kajian deskriptif meliputi tiga aspek kesahan iaitu kesahan kandungan, kesahan kriteria dan kesahan gagasan. Menurut Chua Yan Piaw (2006:214) kesahan kandungan bermaksud sejauhmana pengukuran dapat dibuat mewakili aspek kandungan yang diukur. Sesuatu instrumen pengukuran mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya instrumen tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan.

i. Kesahan Kandungan Item Soal selidik , Ujian Diagnostik

Pengkaji telah menjalankan prosedur untuk melihat kesahan kandungan item-item soal selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A merangkumi item berkaitan dengan demografi pelajar. Bahagian B item-item yang berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat.

Soal selidik ini dibina bagi menjawab persoalan kajian iaitu apakah masalah pelajar ketika mempelajari pola-pola ayat bahasa Arab. Bagi menentukan kesahan

kandungan soalselidik ini, kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang pelajar dari salah sebuah di daerah Kuala Muda Yan.

Bagi mengukuhkan lagi kesahan kandungan, soalselidik, ujian diagnostik maka 5 orang pakar iaitu pakar penggubalan kurikulum, penulis buku teks, pensyarah dan guru pakar bahasa Arab telah dilantik seperti dalam jadual 5.8 berikut;

JADUAL 5.8: Senarai Nama Pakar Yang Menilai Kesahan Instrumen

Bil	Nama	Bidang Kepakaran
1	Tn Haji Mohamad Zahidi Ariffin	Kurikulum Bahasa Arab
2	Dr. Ariffin Mamat	Kurikulum Bahasa Arab
3	Dr Abdul Razak Abu Chik	Pensyarah Bahasa Arab
4	Pn. Nor Aina Sabariah Md.Isa	Guru Cemerlang Bahasa Arab
5	Pn. Nor Azah Ahmad	Guru Bahasa Arab

Hasil daripada penilaian oleh panel pakar, pengkaji telah membaiki instrumen kajian ini. Ianya bagi memastikan kesemua item-item ini adalah sah dan dapat mengukur konstruk (sub skala) yang dibina .

Dalam menentukan kesahan seluruh instrumen yang digunakan dalam kajian fasa I ini, pengkaji telah menyenaraikan objektif kajian yang hendak dicapai dan kandungan bidang yang dikaji. Objektif kajian fasa I terbahagi kepada dua iaitu melihat keperluan-keperluan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab dan kedua apakah aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab.

Menurut Fraenkel, J.R (2000) cara untuk memastikan kesahan instrumen kajian adalah seperti dalam jadual 5.9 berikut;

JADUAL 5.9: Langkah untuk menentukan kesahan instrumen

Method	Procedure
<i>Content - related evidence</i> <i>Criterion - related evidence</i>	<i>Expert judgment</i> <i>Relate to another measure of the same variabel</i>
<i>Construct - related evidence</i>	<i>Assess evidence on predictions made from theory</i>

(m.s: 180)

Di sini jelaslah bahawa kesahan instrumen itu terbahagi kepada tiga iaitu kesahan kandungan (*content validity*), kesahan kriteria (*criterion validity*), dan kesahan gagasan (*construct validity*).

Menurut Fraenkel (2000:180) bagi menentukan kesahan kandungan (*content validity*) sesuatu instrumen kajian, maka ianya perlu disemak dan diluluskan oleh sekumpulan pakar yang terlibat dalam bidang tersebut. Sementara kesahan kriteria (*criterion validity*), hendaklah dikaitkan dengan pengukuran atau instrumen lain yang sama variabel dengannya, dan prosedur bagi menentukan kesahan gagasan (*construct validity*) ditentukan dengan andaian dari teori yang sama digunakan dalam kajian.

5.7.2 Kesahan Kajian Eksperimen (Fasa II)

Pengetahuan tentang aspek kesahan kajian eksperimen amat penting. Menurut Abdul Majid Konting (1990) aspek kesahan kajian eksperimen penting kerana pengkaji perlu

mengawal olahan variabel bebas (modul pengajaran) di samping mengawal kesan variabel-variabel ekstranus. Variabel ekstranus adalah variabel yang kewujudannya boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada perubahan variabel bersandar (pencapaian). Dalam kajian ini, variabel ekstranus mungkin suasana suhu bilik darjah, teknik pengajaran guru memberi kesan dan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam membina ayat gramatik bahasa Arab. Oleh itu, pengkaji perlu memastikan mengawal variabel ekstranus supaya ia tidak memberi kesan kepada variabel bersandar (pencapaian) dalam kajian ini.

Secara umumnya, kesahan kajian eksperimen boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; (a) kesahan dalaman dan (b) kesahan Luaran.

(a) Kesahan Dalaman

Kesahan dalaman bermaksud sejauhmana kesan atau perubahan yang terjadi kepada variabel bersandar (pencapaian) hanya disebabkan oleh olahan variabel bebas(modul) . Menurut Abdul Majid Konting (1990), kajian eksperimen dijalankan bagi mengenalpasti perubahan yang berlaku terhadap variabel bersandar adalah disebabkan oleh olahan variabel bebas dan bukan disebabkan oleh variabel-variabel ekstranus. Dalam kajian ini perubahan yang berlaku kepada variabel bersandar (pencapaian membina ayat gramatis bahasa Arab) adalah disebabkan oleh olahan variabel bebas iaitu pendekatan pengajaran berdasarkan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab dan bukan disebabkan oleh variabel ekstranus seperti gaya pengajaran guru, suhu bilik darjah atau pengalaman guru yang mengajar bahasa Arab.

Menurut Campbell & Stanley (1963) dalam Abdul Majid Konting (1990), terdapat lapan pembolehubah ekstranus yang boleh mengganggu kesahan dalaman

sesuatu kajian eksperimen. Oleh itu, variabel ekstranus dan sumber pembolehubah lain perlu dikawal. Jika tidak dikawal variabel ekstranus ini akan menghasilkan kesan yang boleh mengelirukan kesan olahan variabel bebas. Dalam kajian ini terdapat lapan variabel ekstranus yang perlu dikawal oleh pengkaji iaitu (i) sejarah, (ii) kematangan, (iii) pra ujian, (iv) instrumen, (v) perbezaan pemilihan subjek, (vi) mortaliti, (vii) regresi statistik, dan (viii) interaksi antara pemilihan subjek dan kematangan.

i. Kesan Sejarah

Kesan sejarah mungkin terjadi sekiranya sesuatu kajian eksperimen dijalankan terlalu lama. Perubahan pada variabel bersandar berlaku bukan disebabkan oleh variabel tidak bersandar. Perubahan pada variabel bersandar mungkin berlaku bukan disebabkan oleh variabel bebas kerana berlaku peristiwa tertentu, perkembangan atau pengalaman pendidikan semasa kajian eksperimen sedang dijalankan. Peristiwa yang dimaksudkan dalam kajian ini, mungkin berlaku kempen bulan bahasa Arab, di mana semua pelajar diwajibkan bercakap Arab semasa eksperimen dijalankan. Selain itu mungkin adanya kempen 'Cintai Bahasa Arab' yang mana boleh merangsang subjek kajian untuk mempelajari dan mengamalkan bahasa Arab dengan lebih tekun. Dalam kajian ini, untuk mengelakkan daripada kesan sejarah atau peristiwa mempengaruhi olahan variabel bebas, pengkaji telah mengenalpasti terlebih dahulu bahawa sepanjang kajian berjalan, tidak ada sebarang peristiwa seperti yang disebut dijalankan di sekolah yang terlibat dalam eksperimen ini. Ini dapat menjamin bahawa perubahan yang berlaku kepada subjek kajian (kumpulan rawatan) adalah disebabkan oleh variabel bebas iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul pola ayat dan bukan disebabkan oleh variabel-variabel ekstranus yang lain.

ii. Kesan Kematangan

Kesan kematangan ini bermaksud subjek akan menunjukkan prestasi berbeza bukan disebabkan oleh olahan variabel bebas, tetapi disebabkan kematangan seperti bertambah umur dan sebagainya. Dalam kajian eksperimen, kematangan sukar dikawal apabila pelaksanaan kajian eksperimen melibatkan tempoh penyelidikan yang agak lama. Oleh itu, kajian pengajaran pola ayat berbantuan modul ini hanya dijalankan selama 12 minggu sahaja. Selain itu, perbezaan umur pelajar juga diambilkira di mana pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini, kesemuanya berumur 14 tahun. Oleh itu ketiadaan perbezaan umur di antara subjek kajian dapat membantu mengekalkan kesahan kajian ini disudut kematangan. Menurut Fraenkel Jack R & Norman E (1996), satu cara untuk mengawal kesan kematangan dalam kajian eksperimen ialah memastikan subjek yang terlibat dalam kajian ini tidak mempunyai perbezaan yang berbeza dari segi umur dan kematangan.

iii. Kesan Pra Ujian

Pra ujian merupakan ukuran yang diceraap dari subjek sebelum subjek yang dikaji dikenakan olahan variabel bebas (modul pola ayat). Pra ujian biasanya dilakukan bagi mengukur sejauhmana perubahan akan berlaku ke atas variabel bersandar (pencapaian) disebabkan oleh olahan variabel bebas. Pra ujian juga akan merangsang subjek untuk bertindak secara positif atau negatif sekiranya mereka mengetahui lebih awal bahawa pra ujian akan dijalankan ke atas mereka. Oleh itu pengkaji dan guru yang terlibat dalam kajian ini, tidak akan memaklumkan item-item yang akan diuji kepada subjek yang terlibat. Item-item akan dirahsiakan sehingga pelajar menduduki

ujian tersebut. Konsep kerahsiaan ini dipraktikkan untuk memastikan pelajar tidak akan menghafal ayat-ayat bahasa Arab terlebih dahulu sebelum pra ujian dijalankan ke atas subjek. Oleh itu kesan pra ujian tidak akan berlaku kepada subjek kajian.

iv. Kesan Instrumen ujian Pra Pos

Pembentukan instrumen ujian pra pos juga boleh mendatangkan kesan kepada variabel bersandar. Oleh itu untuk memastikan kesahan kajian ini, kesan instrumen ujian pra pos dikenalpasti dan pengkaji memastikan alat ukur yang dibina dinilai oleh pakar-pakar dalam bidang yang dikaji. Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu iaitu ujian satu dengan satu (*one to one*), ujian dalam kumpulan kecil seramai 8 orang dan ujian dalam kumpulan besar iaitu 30 orang. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi kesahan instrumen ujian pra pos ini, 5 orang pegawai Kurikulum Bahasa Arab, Pensyarah Bahasa Arab, Guru Cemerlang Bahasa Arab dan Guru Bahasa Arab seperti dalam jadual 5.7 telah menilai dan mengesahkan instrumen ini.

v. Kesan Perbezaan Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel boleh menghasilkan kumpulan-kumpulan yang berbeza. Sekiranya sesuatu kumpulan mempunyai ciri-ciri tertentu dan kumpulan lain tidak mempunyai ciri-ciri yang berkaitan, maka cerapan ke atas kumpulan-kumpulan tersebut akan menghasilkan dapatan yang berbeza. Contohnya kumpulan yang mempunyai kecerdasan yang tinggi akan menunjukkan prestasi pencapaian yang tinggi tidak kira kaedah mana yang digunakan untuk mengajar mereka. Dalam kajian kesan penggunaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab ini terhadap pencapaian pelajar membina ayat bahasa Arab, pemilihan subjek dijalankan oleh pihak pentadbir sekolah masing-masing yang mana kedua-dua kelas yang dipilih untuk menjalani kajian ini

mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi kecerdasan dan pencapaian pelajar. Sementara itu, guru yang mengajar mereka pula adalah guru yang sama bagi kedua-dua kumpulan. Manakala bahan-bahan pengajaran mengikut spesifikasi yang telah ditentukan oleh pihak pengkaji. Oleh itu tahap kesahan kajian ini tidak boleh dipertikaikan.

iv. Kesan Mortaliti

Menurut Fraenkel (2002) mortaliti bermaksud kekurangan subjek kajian dalam kumpulan-kumpulan yang dikaji mungkin akan berlaku samada dalam kumpulan kawalan atau kumpulan rawatan. Mortaliti subjek dalam sebahagian kumpulan akan menyebabkan cerapan kajian berbeza. Contohnya pelajar yang kurang berminat dalam bahasa Arab mungkin akan ponteng sekolah apabila mengetahui bahawa diri mereka sedang dikaji. Dalam kajian ini, masalah ponteng tidak akan berlaku kerana kebanyakan pelajar tinggal di asrama dan kehadiran mereka ke sekolah sentiasa dipantau oleh pihak guru dan pentadbir sekolah.

vii. Kesan Interaksi Antara Pemilihan Subjek dan Kematangan.

Interaksi pemilihan subjek dengan kematangan menghasilkan cerapan yang boleh mengelirukan kesan yang disebabkan oleh olahan variabel bebas. Ini mungkin berlaku sekiranya pemilihan subjek tidak dilakukan secara rawak atau hanya ahli-ahli populasi yang berminat sahaja menjadi subjek. Dalam kajian ini subjek kajian ditentukan oleh pihak pentadbir yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi umur dan pencapaian. Sementara guru pula mempunyai kelulusan dan pengalaman mengajar yang hampir sama. Oleh itu kesan interaksi

antara pemilihan subjek dan kematangan mungkin tidak akan berlaku kerana pengkaji telah memastikan semua subjek kajian mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

(b) Kesahan Luaran

Kajian ini dikira mempunyai kesahan luaran kerana dapatan-dapatan yang diperolehi boleh digeneralisasikan kepada populasi yang diwakili sampel kajian. Pemilihan sampel secara rawak dapat menentukan sejauhmana kesahan luaran wujud dalam kajian. Menurut Burke, J.&Larry, C.(2000), sekiranya sampel kajian dipilih secara rawak, maka kemungkinan besar kesahan luaran lebih terjamin.

Dalam kajian ini, populasi yang dikaji ialah pelajar tingkatan dua yang belajar bahasa Arab di sekolah SMKA dan sekolah aliran KAA di negeri Kedah. Tiga buah sekolah dari kedua-dua aliran ini dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua pelajar yang menjadi sampel kajian mempelajari bahasa Arab menggunakan kurikulum dan buku teks yang sama. Manakala guru-guru yang mengajar pula, disediakan oleh pihak kementerian pelajaran Malaysia dan guru-guru yang terlatih. Oleh itu, maka bolehlah dikatakan bahawa kesahan luaran telah diambil kira dengan membuktikan bahawa sampel kajian ini menggambarkan populasi keseluruhan pelajar SMKA dan aliran KAA seluruh negara.

5.8 KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN

Pekali kebolehpercayaan bagi instrumen kajian ini diukur melalui nilai Cornbach alpha. Bagi instrumen soalselidik nilai Cornbach alpha ialah 0.9135 dan manakala bagi ujian diagnostik nilainya 0.8535. Sementara itu, bagi instrumen ujian pra dan ujian pos pula, nilai cornbach alpha ialah 0.8822. Menurut Creswell (2008), semakin hampir nilai Cornbach alpha kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaannya. Nilai alpha yang kurang dari 0.6 dianggap lemah, 0.7 boleh diterima, manakala melebihi 0.8 dianggap baik. Lantaran itu, nilai Cronbach alpha instrumen soal selidik, ujian diagnostik dan instrumen ujian pra dan pos bagi kajian ini adalah tinggi dan berada dalam julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukuran boleh dipercayai.

5.9 KAJIAN RINTIS MODUL PENGAJARAN

Setelah pembinaan modul selesai dengan semua tajuk-tajuk yang terpilih, satu kajian rintis dijalankan bagi melihat kesesuaian dan keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul. Kajian rintis ini dijalankan ke atas 30 orang pelajar di sebuah sekolah di daerah Kuala Muda Yan. Mereka menggunakan modul selama 3 minggu dan melalui 3 sesi pengajaran menggunakan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul.

Selain itu kajian rintis juga dijalankan untuk menguji kesahan ujian-ujian yang telah dibina untuk ujian pra dan pos. Ujian dalam kajian rintis dijalankan untuk

melihat kesesuaian ujian pembinaan ayat dari segi kandungan dan kesesuaian masa menjawab serta kejelasan arahan soalan.

Dapatan dari kajian rintis ini didapati pelajar dapat mengikuti pembelajaran pola ayat dengan berbantuan modul. Dalam ujian pembinaan ayat pula, didapati pelajar dapat memahami kehendak soalan serta masa yang diperuntukkan adalah mencukupi untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan.

Berdasarkan kajian rintis ini, di antara respon yang didapati daripada guru yang mengajar adalah seperti berikut;

- i. Isikandungan modul terlalu banyak menyebabkan pelajar sukar untuk menghabiskannya dalam tempoh yang ditetapkan. Masa yang ditetapkan oleh pengkaji bagi setiap unit adalah selama 40 minit.
- ii. Latihan yang diberikan terlalu banyak dan menyukarkan pelajar untuk menyelesaikannya dalam tempoh yang singkat.
- iii. Persembahan isi menarik minat pelajar untuk mengikuti pembelajaran berbantuan modul ini. Namun sedikit perubahan dan pengubahsuaian perlu dilakukan bagi memantapkan lagi persembahan isi kandungan modul dan latihan pengkuhan.

5.9.1 Pengubahsuaian Modul

Berdasarkan respon yang diperolehi daripada pelajar dan guru, beberapa perubahan dibuat terhadap modul pengajaran yang telah direka. Di antara perubahan tersebut adalah seperti berikut;

- i. Pengkaji telah mengubahsuai modul dengan menukarkan pola ayat Ismiyyat daripada 9 pola kepada 6 pola sahaja.
- ii. Latihan pengukuhan yang berbentuk gambar telah ditukarkan kepada latihan yang berbentuk pola ayat sahaja. Ini kerana modul ini lebih menjurus kepada pembelajaran tentang pola-pola ayat bahasa Arab.
- iii. Latihan-latihan telah distrukturkan semula mengikut tema dan pola-pola ayat yang telah ditetapkan.

5.10 PROSEDUR PEMEROLEHAN DATA

Pengkaji memulakan proses pengumpulan data bagi kajian ini setelah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dan pengetua sekolah-sekolah yang terlibat. Proses pengumpulan data ini terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa kajian deskriptif yang bermula pada bulan oktober 2009. Manakala fasa kajian kuasi-eksperimen bermula pada bulan februari 2010 dan berakhir pada bulan april.

Bagi fasa I, proses pengumpulan data melibatkan instrumen soalselidik dan ujian diagnostik yang ditadbirkan ke atas 178 orang responden yang belajar di tingkatan satu aliran agama di tiga buah sekolah di negeri Kedah. Manakala bagi fasa II pula, proses pengumpulan data dilakukan oleh guru bahasa Arab tingkatan dua di tiga buah sekolah yang terlibat dalam kajian. Pengumpulan data bagi fasa II ini mengambil masa selama 12 minggu.

Sesi perbincangan dibuat di antara pengkaji, ketua panitia dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji menerangkan tatacara pengendalian kelas eksperimen dan kawalan. Setelah selesai sesi perbincangan dan penerangan tentang tatacara pengendalian kelas rawatan dan kawalan, maka sesi pengajaran berjalan selama 12 minggu. Kelas rawatan diberi modul sebagai satu pendekatan pengajaran, manakala kelas kawalan menggunakan pendekatan sedia ada yang biasa digunakan guru tersebut.

Instrumen kajian utama di dalam proses pengumpulan data bagi kajian kuasi-eksperimen ini ialah set ujian pra dan set ujian pos. Proses pengumpulan data dimulakan dengan memberi ujian pra kepada kedua-dua kelas eksperimen dan kawalan. Markah ujian pra ini dijadikan asas perbandingan dengan markah yang diperolehi dalam ujian pos. Setelah menjalani rawatan selama 10 minggu, maka proses pengumpulan data ujian pos dijalankan. Kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan diberi ujian pos untuk mengukur keberkesanan kedua-dua pendekatan pengajaran yang digunakan dalam kajian ini. Markah yang diperolehi dalam ujian pos ini dikumpul untuk dibandingkan dengan markah ujian pra bagi melihat perbezaan pencapaian antara pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan.

5.11 ANALISIS DATA

Dalam kajian ini, analisis data melibatkan data-data kuantitatif. Data-data kuantitatif yang diperolehi ini diproses dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Penghasilan data dibuat dengan menggunakan program statistik SPSS versi 11.5.

Kaedah analisis statistik deskriptif iaitu frekuensi, min dan peratusan digunakan untuk mendapat maklumat mengenali sampel kajian. Ia juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama dan kedua iaitu masalah yang dihadapi pelajar ketika mempelajari pola ayat bahasa Arab. Manakala kaedah statistik inferensi iaitu ujian t digunakan untuk menguji hipotesis kajian bagi persoalan kajian ketiga dan keempat.

5.10 PENUTUP

Keseluruhan perbincangan dalam bab lima ini dirumuskan seperti berikut iaitu merangkumi rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan tatacara pembinaan instrumen serta kajian rintis. Selain itu, variabel yang terkandung dalam kajian ini, prosedur pemerolehan data dan kaedah penganalisan data juga telah dibincangkan. Rekabentuk kajian dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu rekabentuk kajian deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan dan rekabentuk kuasi-eksperimen yang dijalankan ke atas dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Sampel kajian melibatkan populasi yang disasarkan oleh pengkaji dan pihak sekolah. Kajian rintis dijadikan landasan untuk menguji

kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina oleh pengkaji sebelum kajian sebenar dijalankan. Akhir sekali pengkaji juga menerangkan bagaimana tatacara pengumpulan data dan analisis data dilakukan.